

活动 / 专题

事件 / 专题

文献

图表与数据

编后语

编委会名单

董总呈民联执政四州州务大臣的教育建议书

董总向槟城州政府提出的三项建议

a 建议对各源流学校提供土地以建设学校

本会建议槟州政府在城乡土地用途规划方面，实施一个包括各源流非营利性质的学校规划和建设制度，以便每个住宅区的学校保留地，可用来兴建该地区居民所需要的学校，包括国民型华文小学以及非营利性质的华文独立中学。

为此，本会建议槟州政府检讨并修订州规划蓝图、地方发展蓝图以及学校规划指南。

b 建议尽快落实减收学校地税之政策

槟州政府日前宣布将州内包括华文独立中学的各源流非营利性质学校的地税定为每年一令吉（RM1），同时所欠缴之地税也减至只需缴付每年一令吉（RM1）。本会感到欣慰并希望此项政策能在宪报上公布，以顺利落实之。

c 建议早日落实每年为州内华文独立中学提供固定拨款之政策

槟州政府日前宣布将在每年预算案中，为州内华文独立中学提供固定拨款，以协助它们购买器材和发展学校。对此项政策，本会极为欣赏并希望它能早日获得落实。

如果槟州政府能拨出一块足够的土地来发展，并将其收入用来支付州内华文独立中学的开支，那将长久地解决这些学校的财务问题。

Tiga Cadangan Persatuan Kami Kepada Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang

(1) Cadangan Mengagihkan Tanah Rizab Sekolah Kepada Semua Aliran Sekolah Untuk Tujuan Pembinaan Sekolah

Persatuan kami mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dalam aspek perancangan bandar dan desa dan perancangan guna tanah, melaksanakan satu sistem perancangan dan pembinaan sekolah yang meliputi semua aliran sekolah bukan keuntungan (*non-profit*) supaya tanah rizab sekolah di setiap kawasan perumahan boleh digunakan untuk membina sekolah mana-mana aliran yang diperlukan oleh penduduk setempat, termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Menengah Persendirian Cina yang bersifat bukan keuntungan.

Untuk tujuan di atas, persatuan kami mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengkaji semula dan meminda rancangan struktur/pelan struktur (*structure plan*), rancangan tempatan/pelan tempatan (*local plan*) dan garis panduan perancangan sekolah.

(2) Cadangan Mengurangkan Cukai Tanah Sekolah Di Negeri Pulau Pinang

Persatuan kami berasa sukacita atas pengumuman Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkenaan dengan cukai tanah yang dikenakan kepada semua aliran sekolah bukan keuntungan (*non-profit*), termasuk Sekolah Menengah Persendirian Cina ditetapkan

pada satu kadar nominal RM 1 (Ringgit Satu sahaja) setahun bagi setiap hakmilik, manakala bayaran jumlah tunggakan cukai tanah berkenaan yang sedia ada dikurangkan kepada kadar nominal RM 1 (Ringgit Satu sahaja) sahaja setiap tahun. Persatuan kami berharap pengumuman ini diwartakan sebagai satu dasar tetap supaya dapat dilaksanakan dengan lancar.

(3) Cadangan Mempercepatkan Pemberian Pe- runtukan Kewangan Tahunan Kepada Seko- lah Menengah Persendirian Cina Di Negeri Pu- lau Pinang

Persatuan kami berasa sukacita atas pengumuman Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dalam belanjawan tahunan kerajaan negeri, memberi peruntukan pembangunan kepada Sekolah Menengah Persendirian Cina untuk membantu pembangunan sekolah-sekolah tersebut dan membeli kelengkapan yang diperlukan. Persatuan kami berharap dasar tersebut dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Jika Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh memperuntukkan sebidang tanah yang mencukupi untuk dimajukan supaya hasilnya digunakan semata-mata untuk membiayai perbelanjaan Sekolah Menengah Persendirian Cina di Negeri Pulau Pinang, ini akan dapat menyelesaikan masalah kewangan sekolah-sekolah ini secara jangka panjang.